

**ENAKMEN 7 TAHUN 2002
ENAKMEN PENTADBIRAN AGAMA ISLAM (NEGERI MELAKA) 2002**

BAHAGIAN IX - MEMELUK AGAMA ISLAM

Seksyen 102. Penentuan sama ada orang yang tidak didaftarkan ialah seorang muallaf.

Jika apa-apa persoalan timbul tentang sama ada seseorang itu ialah seorang muallaf, dan orang itu tidak didaftarkan dalam Daftar Muallaf atau di bawah mana-mana undang-undang mana-mana Negeri sebagai seorang muallaf, persoalan itu hendaklah diputuskan berdasarkan kepada merit kes itu mengikut seksyen 95.
